

06 APR 1997

BRIGED PUTRI KINI DINAMAKAN BRIGED WANITA

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Briged Putri Pergerakan Wanita Umno kini dikenali sebagai Briged Wanita bagi memperluaskan keanggotaannya, kata Ketua Wanita Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Beliau berkata Briged Wanita akan membuka penyertaan bukan sahaja di kalangan pelajar tetapi turut meliputi golongan wanita seperti pekerja kilang dan ibu-ibu.

Briged Wanita akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Expo Pencapaian Ekonomi Bumiputera pada 16 April ini.

Siti Zaharah berkata demikian kepada pemberita selepas menjadi anggota panel segmen Cermin Diri dalam rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3 di Pusat Islam di sini.

Turut menjadi panel ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan pakar motivasi Datuk Dr Fadzilah Kamsah.

Program itu diadakan sempena seminar "Keluarga Bahagia Penyelesai Gejala Sosial" anjuran Biro Sosial dan Pengaduan Awam Umno bersama Biro Hal Ehwal Islam Pemuda dan Wanita.

Siti Zaharah berkata sebelum ini Briged Wanita dijadual dilancarkan bersama Briged Putra Pemuda Jummat lepas tetapi ditangguhkan kerana beberapa masalah dari segi persiapan.

Katanya setakat ini anggota briged itu berjumlah kira-kira 4,000 orang.

-- BERNAMA

NHD RON